



كمنترين قنديديقن
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



كمنترين حال احوال اوكام
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



23 SEPTEMBER

HG31
SAMBUTAN
Hari Guru Ke-31

PERUTUSAN OLEH
YANG BERHORMAT
MENTERI PENDIDIKAN

DAN

YANG BERHORMAT
MENTERI HAL EHWAL UGAMA

SEMPENA SAMBUTAN HARI GURU
KE-31 TAHUN 2021

16 SAFAR 1443H / 23 SEPTEMBER 2021M



SIARAN AKHBAR

PERUTUSAN OLEH

**YANG BERTHORMAT
DATO SERI SETIA AWANG HAJI HAMZAH
BIN HAJI SULAIMAN
MENTERI PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

DAN

**YANG BERTHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB
DATO PADUKA SERI SETIA USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN
BIN PENGARAH DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN
MENTERI HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEMPENA SAMBUTAN HARI GURU KE-31 TAHUN 2021
16 SAFAR 1443H / 23 SEPTEMBER 2021M**

**TEMA:
PENDIDIKAN BERKUALITI TERAS KECEMERLANGAN PELAJAR**

1. Tahun ini Sambutan Hari Guru diraikan untuk kali yang ke-31 dengan membawa tema **“PENDIDIKAN BERKUALITI TERAS KECEMERLANGAN PELAJAR”**. Tema ini adalah bertepatan dalam usaha menjadikan ilmu dan pendidikan berkualiti bagi semua sebagai teras untuk membentuk generasi berpengetahuan dan berkemahiran yang akan menyumbang kepada pembangunan negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.
2. Tema ini menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa Majlis Sambutan Hari Guru Ke-26 Negara Brunei Darussalam Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi di mana Baginda bertitah *“...teras kepada pelan pembangunan negara adalah pendidikan”*.
3. Pelbagai usaha dan inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama dengan pihak-pihak berkepentingan yang menjurus kepada penghasilan sistem pendidikan yang berkualiti tinggi merangkumi kualiti guru, pelajar mahupun sekolah; memberikan peluang pendidikan yang luas dan pembangunan sumber tenaga manusia yang cemerlang.
4. Dalam hubungan ini juga, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan terus komited dalam usahanya meningkatkan lagi kesiapsiagaan guru-guru untuk berinovasi dan mempunyai kompetensi dalam pengajaran seiring dengan kemajuan teknologi. Alhamdulillah, Pusat Teknologi Pendidikan (*Educational Technology Centre*) dan Pusat Keusahawanan Inovasi

(*Entrepreneurship Innovation Centre*) telah ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan untuk mendokong penyampaian pendidikan berasaskan teknologi, inovasi dan keusahawanan.

5. Tahun ini adalah kali kedua Sambutan Hari Guru diraikan dalam keadaan negara dilanda pandemik COVID-19. Penularan pandemik yang melanda dunia dan Negara Brunei Darussalam ini telah mempercepat gangguan kepada pendidikan. Apabila fenomena gangguan pembelajaran berlaku, proses pengajaran akan terjejas. Situasi ini telah membuktikan kepentingan untuk meningkatkan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, kaedah *blended learning* iaitu gabungan sistem bersemuka dan teknologi dalam pendidikan adalah satu langkah transformasi yang telah diambil untuk memastikan pelajar masih dapat menerima pendidikan sepanjang masa.
6. Syukur Alhamdulillah, walaupun para guru berhadapan dengan pelbagai cabaran yang besar namun dengan berbekalkan kecekalan serta kegigihan dan dedikasi para guru, gangguan ini telah ditangani dengan berkesan. Pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam pada tahun lepas adalah merupakan hasil dari pengorbanan guru. Pengajaran dan pembelajaran dari rumah (*Home-Based Learning*) telah dapat dilaksanakan melalui pelbagai kaedah yang merangkumi pembelajaran dalam talian, *Home-Packed Learning* bagi yang tidak mempunyai akses internet dan peranti, dan melalui TV Pendidikan yang disiarkan di dalam kaca TV oleh pihak RTB. Di samping turut disediakan juga sumber pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian yang dapat dimanfaatkan oleh pelajar dan guru.

7. Sememangnya, para guru akan terus berhadapan dengan pelbagai cabaran ekoran krisis dan global yang tidak dijangka. Ini menjadikan tugas para guru semakin berat. Ianya menuntut komitmen yang tinggi serta keperluan untuk menyesuaikan diri dengan normal baharu dan seterusnya dapat menjangka normal baharu di masa akan datang. Berhadapan dengan cara pemikiran dan ekspektasi generasi kini yang jauh berbeza, keperluan guru untuk meningkatkan kreativiti, inovasi dan kompetensi mereka dalam pengajaran dan pembelajaran di abad ke 21 adalah menjadi keutamaan agar mereka dapat membentuk pelajar yang kreatif dan kritikal serta mempunyai kedayatahan untuk menghadapi cabaran-cabaran kesan daripada kemajuan teknologi, industri dan ekonomi.
8. Untuk ini, program-program pembangunan kapasiti profesional dan pengukuhan kualiti pengajaran guru akan terus dilaksanakan melalui *Brunei Darussalam Leadership and Teacher Academy (BDLTA)* dan *Brunei Teachers' Standards (BTS)*. Melalui Program Immersi dan Perantis pula, proses pemilihan guru berasaskan kecekapan serta penilaian berpiawai secara berterusan terhadap kompetensi bakal guru adalah juga sedang dilaksanakan.
9. Kementerian Pendidikan turut peka dan prihatin terhadap kesejahteraan para guru yang telah banyak berkorban masa dan tenaga. Sehubungan itu, Unit Kesejahteraan Pemimpin Sekolah dan Tenaga Pengajar (UKPSTP) telah ditubuhkan dibawah kawalan Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan bagi membantu pemimpin sekolah dan guru-guru menangani isu kesejahteraan mental mereka demi membantu mereka berdaya tahan dan seterusnya meningkatkan prestasi dan produktiviti masing-masing.

10. Dalam pada itu, pada meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan di Kementerian Pendidikan, beberapa bahagian iaitu Bahagian Pendidikan Tinggi, Bahagian Biasiswa, Bahagian Pendidikan Swasta dan Unit Pendidikan Khas telah dinaik taraf kepada status Jabatan. Dengan perubahan ini, peranan empat buah Jabatan ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan berkesan.
11. Adalah juga dikongsikan bahawa satu pusat baharu iaitu *Centre for the Development of Gifted and Talented Education (ringkasnya EDGE)* telah ditubuhkan yang bertujuan untuk merancang dan memantau secara terperinci aliran pendidikan pelajar-pelajar yang dikenal pasti cerdas pintar dan berbakat, termasuk pelajar-pelajar cemerlang di bawah skim biasiswa kerajaan dalam negeri. Dalam pada itu, Program Sokongan Pembelajaran (*Learning Support Program*) telah mula dilaksanakan bagi memantapkan lagi tahap literasi dan numerasi para pelajar. Bagi pelajar bekeperluan khas pula, pelebaran penubuhan Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*) akan dilaksanakan bagi mendokong hasrat sekolah inklusif di Negara ini.
12. Peningkatan kualiti pendidikan turut disejajarkan dengan pengukuhan penghayatan nilai-nilai Islam yang amat mengambil berat akan akhlak dan perilaku yang bermatlamat kepada ketaqwaan. Matlamat tersebut direalisasikan melalui pelaksanaan pembelajaran mata pelajaran al-Quran di sekolah-sekolah Menengah Kerajaan dan Swasta di seluruh negara sebagai kesinambungan kepada pembelajaran ugama. Program 'Tahsin Qiraatil Quran' dan 'Tazeez Lughah 'Arabiah bil Madaris al-'Arabiah' dihasratkan dapat mengembangkan kompetensi guru bagi

membantu peningkatan kualiti pelajar dalam kemahiran membaca al-Quran dan komunikasi Bahasa Arab.

13. Dikesempatan ini, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama merakamkan ucapan penghargaan atas **penglibatan berterusan** para pihak berkepentingan, pertubuhan bukan kerajaan, ibu-bapa, penjaga dan masyarakat dalam sama-sama menangani isu-isu sosio-ekonomi demi kesejahteraan para pelajar dan penyampaian pendidikan dapat diteruskan dengan lancar sepertimana yang dapat dilihat semasa mengharungi pandemik COVID-19 ini.

14. Akhir kata, bagi pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Selamat Hari Guru diucapkan kepada semua warga guru yang tidak pernah kenal erti penat lelah demi mendidik anak bangsa dengan doa semoga para guru sekalian dan semua usaha sentiasa diberkati Allah Subhanahu Wataala, diberikan kesihatan yang baik dan dalam perlindungan-Nya jua.

- T A M A T -

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Tel.: 238 1301
Faks: 238 0703
Emel: feedback@moe.gov.bn
Laman Web: www.moe.gov.bn
Twitter: MoEducation Brunei
Instagram: [moe_brunei](https://www.instagram.com/moe_brunei)

Facebook: Ministry of Education Brunei Darussalam